



JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN PENGURUSAN MALAYSIA
(MAMPU)

KENYATAAN MEDIA

Portal MyGovernment Gerbang Tunggal Perkhidmatan Dalam Talian *End-To-End* (E2E) Kerajaan

PUTRAJAYA, 14 Julai 2021 – Kerajaan sentiasa komited untuk menyediakan perkhidmatan kerajaan digital yang berfokuskan rakyat. Melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) yang bertanggungjawab sebagai agensi pusat dalam aspek pendigitalan sektor awam, pelbagai dasar dan inisiatif telah diperkenalkan. Pada masa ini, kerajaan sedang giat memperluaskan perkhidmatan dalam talian secara *End-To-End* (E2E) yang merentasi pelbagai agensi awam dan swasta bagi memudah cara interaksi rakyat, industri dan kerajaan. Senario semasa akibat daripada wabak COVID-19 telah menyebabkan norma baharu penggunaan perkhidmatan digital semakin meningkat.

Orang ramai digalakkan menggunakan perkhidmatan secara dalam talian yang disediakan oleh kerajaan. Dengan cara ini, jumlah orang ramai yang berkumpul dalam satu-satu masa juga dapat dielakkan. Selain itu, orang ramai juga boleh mengakses perkhidmatan kerajaan pada bila-bila masa dan daripada mana-mana lokasi.

Sejak tahun 2003, MAMPU telah membangunkan **Portal MyGovernment** bermula dengan menyediakan informasi berkaitan dengan perkhidmatan kerajaan, kemudian ditambah baik dari semasa ke semasa sehingga menjadikannya sebuah Gerbang Rasmi Perkhidmatan Dalam Talian Kerajaan Malaysia yang menyediakan pautan ke pelbagai perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh kementerian/jabatan/agensi sektor awam termasuklah pelaksanaan *Single Sign On* (SSO) bagi capaian kepada perkhidmatan kerajaan.

Walau bagaimanapun, bermula **1 Mei 2017**, Portal MyGovernment telah ditambah baik dengan menyediakan informasi dan perkhidmatan dalam talian kerajaan merentas agensi secara berpusat melalui pendekatan peristiwa kehidupan (*Life Events*) dan berpaksikan rakyat (*Citizen Centric*). Portal ini juga telah menghubungkan pengguna dengan

pelbagai perkhidmatan dalam talian lain yang disediakan oleh kementerian/jabatan/agensi sektor awam. Pendekatan yang digunakan ini memudahkan rakyat untuk memilih perkhidmatan yang diperlukan mengikut peristiwa kehidupan masing-masing tanpa perlu hadir ke premis-premis kerajaan.

Kini, sebanyak 28 Kementerian dan 57 agensi Sektor Awam telah berkolaborasi dan menjadi rakan strategik dalam penyediaan kandungan dan integrasi perkhidmatan dalam talian untuk portal ini. Sehingga kini, sebanyak 389 perkhidmatan dalam talian kerajaan mengikut peristiwa kehidupan boleh dicapai dalam Portal MyGovernment ini.

Dengan sinergi yang strategik antara pelbagai jabatan kerajaan dalam merealisasikan agenda pendigitalan negara melalui pembangunan portal MyGovernment ini, insiden kesesakan di kaunter seperti di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Wangsa Maju yang tular di media sosial baru-baru ini dapat dielakkan. Justeru itu, MAMPU menyeru agar rakyat mengadaptasi teknologi dalam kehidupan harian dengan menggunakan perkhidmatan kerajaan secara atas talian.

Maklumat lanjut boleh diperolehi di <https://www.malaysia.gov.my/>

**UNIT PEMODENAN TADBIRAN DAN PERANCANGAN
PENGURUSAN MALAYSIA (MAMPU)
JABATAN PERDANA MENTERI
14 JULAI 2021**